




UCAPAN BAJET 2011

Oleh:
YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' SERI USTAZ AZIZAN BIN ABDUL RAZAK, S.P.M.K.
MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN

Pada:
14 November 2010

Pukul:
3.00 Petang

Bertempat di:
Dewan Undangan Negeri
Kedah Darul Aman



“KEDAH SEJAHTERA”

Bismillahirrohmanirohim

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillahrobbil Alamin Wassolatuwassalamu Ala Asyrabil Anbiyaiwalmurssalin
Waala Alihi Wasohbihi Ajmain.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmatnya saya masih berpeluang untuk membentangkan Bajet Kerajaan Negeri Tahun 2011. Ini merupakan pembentangan bajet oleh saya bagi tahun yang ketiga.

Persidangan bajet tahun 2011 diadakan selepas Negeri Kedah baru sahaja menghadapi banjir besar yang luar biasa. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Jabatan Kerajaan peringkat Negeri dan Persekutuan, Badan-badan sukarela dan orang perseorangan yang telah bertungkus lumus membantu operasi menyelamatkan dan menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir bermula daripada hari pertama banjir melanda negeri Kedah sehingga ke hari ini.

Semangat bekerjasama, tolong menolong dan bersatu tenaga dalam menghadapi bencana banjir kali ini telah menyerlahkan perpaduan rakyat Kedah. Pengorbanan mereka semua amat di hargai. Saya berdoa agar keikhlasan mereka akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataalla.

Walaubagaimanapun, amatlah malang apabila ada pihak yang menafikan pengorbanan rakyat dan Kerajaan Negeri dalam menangani bencana banjir. Saya berharap bencana banjir ini akan memberi kesedaran dan keinsafan kepada semua pihak bahawa bencana banjir yang berlaku adalah ketentuan dan ujian daripada Allah Subhanahu Wataalla sepertimana firman Allah Subhanahu watalla dalam Surah Al Anfal ayat 25 yang bermaksud : Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya dosa yang membawa bala bencana) yang bukan saja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah maha berat azab siksaanNya.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Prestasi ekonomi dunia telah menunjukkan tanda-tanda kemajuan dan pertumbuhan ekoran pelbagai langkah pemulihan yang dijalankan. Alhamdulillah, pertumbuhan ekonomi Malaysia juga semakin cergas dan mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih baik daripada tahun 2009. Senario ini telah memberi kesan positif kepada ekonomi negeri-negeri termasuk negeri Kedah. Sumbangan sektor perkhidmatan dan pembuatan telah membantu pertumbuhan ekonomi negeri.

Prestasi Negeri Kedah dalam menerima kemasukan pelaburan di sektor perkilangan adalah sangat menggalakkan. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2010, Kedah menerima pelaburan sebanyak RM1.8 billion di mana RM1.6 Billion merupakan pelaburan asing. Jumlah pelaburan yang di terima menjadikan negeri Kedah menduduki tempat ketiga di kalangan negeri-negeri Di Malaysia. Kerajaan menjangka pelaburan yang di terima akan memberi kesan pengganda kepada ekonomi tempatan.

Strategi Bajet Tahun 2011

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di dalam merangka Bajet Tahun 2011 Kerajaan Negeri berusaha untuk memastikan kedudukan kewangan yang kukuh di samping meneruskan agenda pembangunan bagi faedah rakyat. Aliran tunai akaun Kerajaan Negeri akan di uruskan dengan rapi kerana Kerajaan mengambilkira beberapa aspek seperti berikut:-

- a) Sumber hasil adalah terhad kepada hasil sediaada. Beberapa punca hasil baru yang dirancang belum dapat dimuktamadkan.
- b) Aliran Tunai bagi tempoh 3 bulan pertama tahun 2011 perlu dikawal rapi kerana lazimnya kutipan hasil yang rendah.
- c) Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dijangkakan lewat disalurkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan trend penerimaan pada tahun 2009 dan 2010.
- d) Kerajaan Negeri terpaksa menjelaskan Tuntutan Saman oleh kontraktor satu projek bekalan air sepertimana keputusan Mahkamah Tinggi Alor Setar.
- e) Terdapat Dasar-dasar Kerajaan Persekutuan di dalam Bajet Tahun 2011 yang melibatkan kewangan terpaksa diikuti oleh Kerajaan Negeri.

Dalam merencanakan program pembangunan pula, Kerajaan menggunakan Pelan Tindakan Kedah Sejahtera yang telah menggariskan program dan projek bagi meningkatkan ekonomi dan tahap kesejahteraan hidup rakyat Kedah.

Berdasarkan senario yang saya nyatakan tadi, Bajet Tahun 2011 akan dilaksanakan melalui 4 strategi seperti berikut:-

Strategi Pertama: Merangsang pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan pendapatan rakyat

Dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan akan terus memastikan iklim pelaburan dan suasana perniagaan dalam negeri yang kondusif. Mekanisma berkaitan proses mendapatkan keputusan atau kelulusan Kerajaan Negeri bagi menjalankan sesuatu projek telah dipermudahkan. Tindakan seperti ini merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi menarik masuk pelaburan swasta dalam bidang-bidang terpilih. Kerajaan Negeri juga akan terus menggerakkan GLC untuk menjadi peneraju kepada pertumbuhan sektor pertanian, pelancongan, pembuatan dan perkhidmatan.

Dalam bidang pertanian, fokus Kerajaan adalah menekankan kepada kaedah perladangan atau pertanian berskala besar. Kedah Agro Berhad telah diberi amanah untuk menjalankan aktiviti ini. Kejayaan pertanian moden di Mesir akan dijadikan contoh bagaimana pihak swasta, Kerajaan dan petani bekerjasama menghasilkan produk pertanian yang berkualiti tinggi.

Tindakan seperti ini tidaklah bermakna Kerajaan akan meminggirkan petani, penternak dan peladang sediada yang mengusahakan pertanian secara skala kecil. Kerajaan memperuntukkan RM13.0 juta kepada Jabatan Pertanian untuk melaksanakan program-program pembangunan pertanian dikalangan petani sediada bagi meningkatkan hasil pengeluaran. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak RM550 ribu dijangka akan memberi manfaat kepada golongan terbabit dengan tanaman jagung, nanas dan tanaman kontan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar diperuntukkan sebanyak RM5 juta iaitu tambahan sebanyak RM500 ribu bagi memajukan industri ternakan. Satu inisiatif baru yang akan dilaksanakan ialah meningkatkan perkhidmatan klinik binatang peliharaan dan menyediakan kemudahan ruang penjagaan binatang peliharaan di Jabatan Veterinar Alor Setar.

Peruntukan sebanyak RM13.6 juta disediakan bagi program pengairan dan saliran. Daripada jumlah ini RM5.5 juta akan dibelanjakan untuk meningkatkan sistem pengairan kawasan sawah padi di Kurung Hitam, Lembah Bata, Sidam Kanan, Bandar Baharu, Kota Kuala Muda dan Langkawi. Kira-kira RM3.5 juta pula dikhususkan untuk program Tebatan Banjir yang meliputi kerja-kerja mengorek, melebar, melencongkan sungai, membina dan meninggikan ban sungai serta membina struktur kawalan banjir di beberapa lokasi yang akan dipilih.

Pada tahun 2011, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM0.5 juta bagi membina Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Buah-buahan dan Produk hasil Pertanian di Sik, Bandar Baharu dan Pokok Sena. Selain itu menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Kerajaan akan membina sebuah Pusat Pengumpulan produk pertanian berskala besar di Sungai Petani. Kemudahan-kemudahan yang bakal dibina ini akan menjadi tempat memasarkan buah-buahan tempatan secara teratur. Penjual, pemborong dan pembeli buah-buahan tempatan akan mendapat faedah secara langsung.

Selaras dengan usaha menambah bilangan Usahawan Bumiputera di dalam bandar, Kerajaan memperuntukkan RM4 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina ruang niaga di lokasi yang strategik.

Sebanyak RM0.5 juta disediakan bagi aktiviti Kajian Ekonomi mengikut bidang yang ditentukan. Selain itu Kajian Impak akan di laksanakan ke atas projek terpilih yang telah siap dilaksanakan. Ia bertujuan untuk melihat kesan atau faedah projek berkenaan diperolehi oleh kumpulan sasaran.

Strategi Kedua : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Secara amnya, negeri Kedah telah mempunyai rangkaian jalan yang baik. Fokus utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah menambahbaik rangkaian jalanraya sediaada, melebarkan jambatan sempit dan menaiktaraf kualiti jalan-jalan negeri dengan peruntukkan sebanyak RM69 juta.

Kerajaan mendapati bilangan keluarga miskin yang berdaftar semakin bertambah. Rekod Data pendaftaran e-SINAR sehingga 9 November 2010, adalah berjumlah 15,172 keluarga. Daripada jumlah ini, 10,433 keluarga berada dalam Kategori Miskin Tegar. Kerajaan akan membantu keluarga miskin tegar melalui beberapa program bantuan yang dirancang dengan peruntukan sebanyak RM2.65 juta.

Usaha menyalurkan bantuan kepada keluarga miskin tegar telah di laksanakan secara tersusun pada tahun ini. Mengikut rekod, Kerajaan mendapati pada tahun 2010 ini, seramai 6070 keluarga miskin telah mendapat pelbagai bantuan daripada 21 institusi pemberi bantuan.

Memiliki kediaman yang sempurna adalah impian setiap keluarga. Bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah, Kerajaan menggerakkan anak syarikat milik Kerajaan membina rumah yang mampu di miliki oleh kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Semasa pembentangan Bajet tahun 2010, saya telah memaklumkan cadangan Kerajaan untuk menyediakan perumahan kepada kumpulan berpendapatan rendah, setinggan dan keluarga miskin. Alhamdulillah, Kerajaan telah menyiapkan perancangan beberapa projek perumahan yang akan di laksanakan oleh GLC di atas tanah milik Kerajaan Negeri. Antara projek yang bakal di laksanakan tahun 2011 seperti berikut:

- a. Projek perumahan di Bandar Tunku Puteri, Pokok Sena
- b. Projek perumahan di Batu 4, Tandop , Alor Setar
- c. Projek perumahan untuk Setinggan di Kampung Kilat, Alor Setar
- d. Projek perumahan di Kampung Berjaya, Alor Setar
- e. Projek Perumahan di Kampung Telok Yan, Alor Setar
- f. Projek perumahan di Kuala Ketil sebanyak 1000 unit.

Pada masa ini Kerajaan sedang memperincikan beberapa aspek dengan GLC yang di pilih dan Inshaallah semua projek ini akan mula di laksanakan tahun 2011.

Sebuah projek perumahan untuk keluarga miskin sedang di laksanakan di Yan. Inshaallah, projek ini yang melibatkan sumbangan sebuah Yayasan akan menyediakan 100 buah rumah yang selesa di atas tanah milik Kerajaan Negeri bakal mengubah kehidupan keluarga miskin yang akan mendiami kawasan terbabit.

Sejumlah RM6.5 juta iaitu tambahan sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan kepada projek-projek kecil di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat di kawasan masing-masing.

Kita semua sediamaklum mengenai kesukaran Kerajaan Negeri untuk mengutip bayaran ansuran perumahan awam milik Kerajaan. Ini mengakibatkan jumlah tunggakan yang tinggi iaitu sebanyak RM22.2 juta dan telah menjejaskan kedudukan

kewangan Kerajaan Negeri. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan untuk mengambil langkah tegas untuk menukar kaedah pembiayaan perumahan awam kos rendah milik Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, keputusan Kerajaan Negeri dalam membuat kutipan tunggakan bayaran ansuran rumah kos rendah telah memberi kesan yang positif. Pada peringkat awal, usaha ini mendapat bantahan daripada kalangan yang tidak memahami hasrat Kerajaan. Namun, penghuni rumah kos rendah milik Kerajaan menyedari pentingnya mereka membayar tunggakan bayaran ansuran. Hasilnya, jumlah kutipan sehingga Oktober tahun 2010 telah mencapai RM7.03 juta berbanding jumlah kutipan untuk tahun 2009 sebanyak RM6.3 juta. Sebagai usaha untuk meningkatkan keselesaan kepada mereka, Kerajaan menyediakan RM2.75 juta iaitu tambahan sebanyak 300 ribu untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kos rendah.

Bagi membela golongan yang kurang bernasib baik, sejumlah RM14.5 juta iaitu tambahan sebanyak RM1.0 juta disediakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peruntukan ini akan digunakan untuk pelbagai bantuan termasuk bantuan bencana alam. Melalui peruntukan ini Kerajaan menambah elaun sara hidup kepada rakyat miskin yang layak menerima bantuan daripada RM75.00 kepada minimum RM150 sebulan.

Skim Kafalah yang dimulakan tahun ini telah membantu meringankan beban kos pengurusan jenazah di kalangan keluarga miskin tanpa mengira kaum. Sehingga September 2010, Kerajaan telah menyalurkan bantuan Kafalah kepada 2400 keluarga miskin. Berdasarkan maklumbalas yang di terima, rakyat sangat berterima kasih di atas skim bantuan seperti ini. Skim Kafalah akan di teruskan pada tahun 2011, dengan peruntukan sebanyak RM3.6 juta.

Sebanyak RM2.9 juta atau tambahan peruntukan sebanyak RM350 ribu disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memelihara kualiti air sungai dan program pemulihan akibat kejadian banjir. Manakala RM 500 ribu di sediakan untuk lain-lain perbelanjaan luar jangka akibat bencana alam.

Bagi tahun 2011, satu inisiatif baru akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyuburkan perpaduan kaum yang telah sedia terjalin. Aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan hubungan kaum akan dijalankan secara berjadual dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

Strategi Ketiga : Membangunkan Modal Insan

Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Kuala Ketil telah mencapai kemajuan sebanyak 12%. Insyallah projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2012 dan sesi pengajian akan bermula pada tahun 2013. Kemudahan ini bakal melonjakkan taraf Kolej Universiti Insaniah (KUIN) sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang terkemuka.

Sejumlah RM10 juta disediakan bagi membiayai sebahagian kos tanah dan kerja-kerja awalan projek ini. Kerajaan Negeri akan membuat pembayaran kepada kontraktor Kedah Sato Sdn Bhd pada tahun 2013.

Untuk tahun 2011, Kolej Universiti Insaniah (KUIN) diperuntukkan RM9.5 juta atau tambahan sebanyak RM750 ribu bagi membiayai kos operasi. Dua bidang pengajian baru iaitu perubatan dan perhotelan akan diwujudkan bagi melengkapkan bidang-bidang pengajian di Kolej Universiti Insaniah (KUIN).

Diperingkat pendidikan menengah, Maktab Mahmud terus diperkasakan dengan kemudahan prasarana dan pembelajaran. Sejumlah RM30 juta iaitu tambahan sebanyak RM1.5 juta disalurkan kepada Maktab Mahmud pada tahun 2011.

Kerajaan juga memperuntukkan RM2.2 juta untuk Tabung Pinjaman kepada anak-anak Kedah yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Sejumlah RM5 juta iaitu tambahan sebanyak RM0.7 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah bagi membiayai kos operasi dan penyediaan bahan bacaan bermutu tinggi di semua perpustakaan awam dan perpustakaan Desa. Langkah ini diambil bagi memastikan rakyat Kedah mendapat akses kepada sumber pengetahuan yang terkini.

Di peringkat pendidikan rendah, Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam menyediakan kemudahan Taska, Tadika Nuri dan kelas KAFA. Sejumlah RM14.1 juta diperuntukkan bagi membiayai kos operasi, elaun guru, bahan pembelajaran dan program pembangunan insan.

Kumpulan belia merupakan penggerak kemajuan di masa hadapan. Kerajaan mengambil keputusan untuk menyediakan program latihan kemahiran dan bina insan yang tersusun untuk kumpulan belia bagi memastikan mereka di lengkapkan

dengan pengetahuan, kemahiran dan jati diri sebagai pemimpin masyarakat. Untuk menjayakan hasrat ini, sebuah Pusat Latihan dan Aktiviti belia bakal di tubuhkan di Sungai Petani. Peruntukan berjumlah RM3.5 juta disediakan untuk merealisasikan cadangan ini.

Peranan yang dimainkan oleh Majlis Ketua Kampung(MKK) didalam mengendalikan hal ehwal kemasyarakatan adalah sangat terpuji. Mereka telah membantu mengumpul maklumat dan urusan pendaftaran e-SINAR dan penyaluran bantuan kafalah. Perjalanan Majlis Ketua Kampung(MKK) dibantu oleh setiausaha yang melaksanakan tugas secara sukarela. Kerajaan amat menghargai sumbangan mereka dan bersetuju membayar elaun kepada Setiausaha Majlis Ketua Kampung (MKK) sebanyak RM200 sebulan mulai Januari 2011. Untuk itu peruntukan untuk Majlis Ketua Kampung (MKK) ditetapkan sebanyak RM12.7 juta iaitu tambahan sebanyak RM5 juta.

Aktiviti sukan bukan saja dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan bersatu padu namun dapat menaikkan imej sesebuah Kerajaan. Program pembangunan sukan yang dijalankan tahun ini telah menghasilkan kejayaan Kedah di dalam Sukan Malaysia. Bagi tahun 2011, Kerajaan memperuntukkan RM4.2 juta iaitu tambahan sebanyak RM0.7 juta kepada Majlis Sukan Negeri bagi mempertingkatkan program pembangunan sukan serta menyertai Sukan Malaysia yang bakal diadakan pada tahun 2011 di Bukit Jalil.

Strategi Keempat : Memperkasa Tadbir Urus Pentadbiran Negeri

Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memiliki jentera pentadbiran negeri yang mantap bagi melaksana dan menjayakan semua urusan Kerajaan Negeri. Proses memperkasa tadbir urus pentadbiran negeri yang dimulakan akan terus dilaksanakan.

Bagi maksud ini, Kerajaan memperuntukkan RM202.8 juta untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan Kerajaan Negeri. Peruntukan ini meningkat RM1.9 juta bagi menampung kenaikan gaji tahunan, penstrukturan semula dan perubahan skim perjawatan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sejumlah RM1.2 juta disediakan untuk membiayai program pembangunan modal insan dan latihan kakitangan bagi memantapkan perkhidmatan di setiap Jabatan.

Peruntukan sebanyak RM13.5 juta disediakan untuk pembelian aset seperti pembelian kenderaan Jabatan, peralatan pejabat dan peralatan kerja bagi memantapkan kutipan hasil dan tindakan penguatkuasaan. Manakala RM1.8 juta dikhaskan untuk meningkatkan kemudahan ICT di semua Jabatan.

Sejumlah RM1.5 juta diperuntukkan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri manakala RM23.5 juta disediakan untuk membiayai baki kos projek membina Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Baling dan Langkawi.

Sebuah bangunan baru untuk Pejabat Agama dan Mahkamah Syariah Baling dijangka siap pertengahan tahun hadapan. Kemudahan bangunan pejabat yang dibina bagi menambah ruang berikutan pertambahan kakitangan serta meningkatkan keselesaan kepada pelanggan.

Bagi memperkasakan jentera pentadbiran di peringkat Daerah, Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM6.5 juta bagi membiayai aktiviti pembangunan sosial dan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah.

Kepada kakitangan Kerajaan yang ditimpa penyakit kritikal, Kerajaan membantu membiayai bil rawatan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM800 ribu.

Peruntukan Bajet Tahun 2011

Hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat akan dilaksanakan sepertimana 4 strategi yang saya bentangkan. Untuk itu saya mencadangkan Bajet Kerajaan Negeri Tahun 2011 berjumlah RM887,931,019.00. Daripada jumlah ini, RM541,530,809.00 adalah anggaran perbelanjaan mengurus, RM296,400,170.00 untuk anggaran perbelanjaan pembangunan manakala RM50,000,040.00 adalah untuk anggaran bekalan air.

Dibawah anggaran perbelanjaan mengurus, 37% adalah untuk bayaran emolumen, 39% untuk pemberian dan kenan tetap, 19% untuk perkhidmatan dan bekalan, 3% untuk perbelanjaan lain dan 2% untuk perolehan aset.

Bagi peruntukan pembangunan, agihan tahun 2011 seperti berikut:-

- a) Prasarana sebanyak 61%
- b) Pentadbiran sebanyak 18%
- c) Pertanian sebanyak 11%

- d) Modal insan dan sosial sebanyak 8%
- e) Sukan, ICT dan pelancongan sebanyak 2%

Bajet Tahun 2011 akan dibiayai daripada anggaran hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM521,583,480.00 yang terdiri daripada Hasil cukai sebanyak 54%, Terimaan bukan hasil 34% dan hasil bukan cukai sebanyak 12%.

Defisit didalam Bajet 2011 adalah berjumlah RM19 juta berbanding RM 16 juta pada tahun 2010.

Penutup

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kejayaan yang kita semua impikan memerlukan semangat, kerjasama dan perpaduan yang erat di antara kerajaan negeri dengan semua pihak. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri selama tiga tahun menerajui pentadbiran negeri telah membuktikan amalan bekerjasama dan amanah telah dapat memberikan faedah kepada kedudukan hasil negeri dan kesejahteraan rakyat. Sebagai contoh melalui polisi tender terbuka yang di jalankan, Kerajaan Negeri telah mendapat peningkatan kutipan hasil hutan kepada RM33.05 juta pada tahun 2009 berbanding RM9.21 juta pada tahun 2007. Perkara ini telah di perakukan di dalam Laporan Ketua Audit negara keatas Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2009. Firman Allah Subhanahu Wataalla didalam Surah Al Maidah ayat 2 bermaksud : Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan.

Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala memberikan taufik dan hidayahnya kepada kita semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini agar sentiasa mengutamakan amanah dan tanggungjawab yang perlu kita laksanakan dengan ikhlas sepertimana perintah Allah Subhanahu Wataalla dalam Surah An Nisa ayat 58 yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum diantara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh.